

TINJAUAN TERHADAP KEMAHIRAN BELAJAR DI KALANGAN
PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN
ELEKTRIK KUITTHO KESANNYA TERHADAP
PRESTASI AKADEMIK PELAJAR

ARIFFUDDIN BIN IBRAHIM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00121133 7



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

INSTITUT TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ***

JUDUL : TINJAUAN TERHADAP KEMAHIRAN BELAJAR DIKALANGAN PELAJAR IJAZAH

SARJANA MUDA KEJ. ELEKTRIK KUITTHO KESANNYA TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR.

SESI PENGAJIAN : 2001 /2002

Saya ARIFFUDDIN BIN IBRAHIM

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran di antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (/)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)


Alamat Tetap : KG. SRI PAYA, 86400 PARIT RAJA,

BATU PAHAT, JOHOR DARUL TAKZIM

EN. ATAN BIN HUSSEIN

Nama Penyelia

Tarikh : 28/01/2001



Tarikh : 28.09.01

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - *** Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Sarjana Pendidikan (Teknikal)”.

Tandatangan



Nama Penyelia

: EN. ATAN BIN HUSSIEN

Tarikh

: 28 SEPTEMBER 2001

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU TUN AMINAH



“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.



Penulis

Nama : ARIFFUDDIN BIN IBRAHIM

IC. No: 750116017537

Tarikh: 28 SEPTEMBER 2001

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN KU TUN AMINAH



Khas buat ibu, insan tersayang serta keluarga tercinta



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan Salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W.

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnianya dapat menyiapkan kertas penyelidikan ini dalam jangkamasa yang ditetapkan. Jutaan terima kasih saya berikan terutamanya En. Atan bin Hussein selaku pembimbing, ibu Pn. Samilah bte Muliati, insan tersayang serta keluarga tercinta kerana dengan nasihat dan buah fikiran merekalah yang membantu saya menyiapkan kertas penyelidikan ini dengan jayanya.

Turut diberi penghargaan, rakan-rakan Isa, Samsul, Amran, Hafis, Abu, Khairul dan Juhaide yang sama-sama memberi pandangan yang bernas termasuk juga sokongan moral bagi memastikan kertas penyelidikan ini berjaya. Bantuan dan sokongan anda tidak dapat saya lupakan. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan.

ABSTRAK

Kajian kes ini bertujuan meninjau tahap kemahiran belajar di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Elektrik KUITTHO. Objektif kajian adalah untuk membuat tinjauan di mana ianya merangkumi 4 aspek iaitu gaya pembelajaran, jumlah jam untuk mengulangkaji pelajaran, teknik pembelajaran dan sumber rujukan. Seramai 270 orang pelajar diambil sebagai sampel kajian. Data dipungut melalui borang soal selidik dan penganalisan data dibuat dengan menggunakan kaedah peratusan. Dapatan dari kajian ini jelas menunjukkan responden mempunyai tahap pencapaian akademik yang baik dan boleh dipertingkatkan sehingga mencapai tahap cemerlang. Beberapa cadangan turut dikemukakan di akhir laporan ini bagi membentuk kemahiran belajar yang lebih efektif dan membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar.



PTTAUITHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

ABSTRACT

This research is to observe level of study skill among student undergraduate of electrical engineering. The objective of this research is to observe 4 type of study skill. It is include kind of study skill, how many hour that student spent to revise knowledge, style of study and reference source of study. There are 270 students use in this research as study sample. Data is collected through form of questionnaire and using method of percentage for data analysis. Reception from this study explained showing that the respondent has good academic achievement level until achieving excellent level and can be raised. In this research also have a proposal that introduced for competence to learn more effective and assist raise academic performance of student.



PT TAAU THM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI GAMBARAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN NAMA	xv
BAB I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	3

1.4	Objektif Umum	4
1.4.1	Objektif Khusus	4
1.5	Kepentingan Kajian	4
1.6	Batasan Kajian	5
1.7	Definasi Istilah	
1.7.1	Kemahiran Belajar	6
1.7.2	Pelajar	6
1.7.3	KUITTHO	7

BAB II SOROTAN PENULISAN

2.1	Pengenalan	8
2.2	Sistem Semester	9
2.3	Sistem Peperiksaan dan Penilaian	10
2.3.1	Skema Pemarkahan	10
2.4	Kemahiran Belajar	11
2.4.1	Kemahiran Membaca	12
2.4.2	Kemahiran Membuat Rujukan	13
2.4.3	Kemahiran Mendengar	14
2.4.4	Kemahiran Mencatat Nota	15

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	16
3.2	Reka Bentuk Kajian	16



3.3	Populasi dan Sampel Kajian	17
3.4	Instrumentasi	18
3.5	Keesahan dan Kebolehpercayaan	18
3.6	Prosedur Megumpul Data Kajian	20
3.7	Analisis Data	21

BAB IV PENGANALISISAN DATA KAJIAN

4.1	Pengenalan	22
4.2	Pengedaran dan Pengumpulan Soal Selidik	22
4.3	Analisa Soal Selidik	23
	4.3.1 Analisa Biodata Responden	23
4.4	Analisa Data-data Responden	29
	4.4.1 Gaya Pembelajaran	29
	4.4.2 Jumlah Jam Belajar	31
	4.4.3 Teknik Pembelajaran	33
	4.4.4 Sumber Rujukan	35
4.5	Perbandingan Terhadap Pencapaian Akademik Responden	37
	4.5.1 Pencapaian Akademik Berbanding Bangsa	37
	4.5.2 Pencapaian Akademik Berbanding Jantina	38
	4.5.3 Pencapaian Akademik Berbanding Tahun Kursus	40
	4.5.4 Pencapaian Akademik Berbanding Gaya Pembelajaran	41
	4.5.5 Pencapaian Akademik Berbanding Jumlah Jam	



	x
Belajar	42
4.5.6 Pencapaian Akademik Berbanding Teknik Belajar	44
4.5.7 Pencapaian Akademik Berbanding Sumber Rujukan	46

BAB V KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	49
5.2 Objektif Kajian	49
5.3 Kesimpulan	50
5.4 Perbincangan	52
5.4.1 Gaya Pembelajaran Berbanding Pencapaian Akademik	52
5.4.2 Jumlah Jam Belajar Berbanding Pencapaian Akademik	54
5.4.3 Teknik Belajar Berbanding Pencapaian Akademik	55
5.4.4 Sumber Rujukan Berbanding Pencapaian Akademik	56
5.5 Cadangan	57
5.6 Cadangan Untuk Masa Depan	59

BIBLIOGRAFI	60
--------------------	-----------



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH



SENARAI JADUAL

JADUAL	MUKASURAT
2.1 Pengiraan Purata Timbunan Markah	10
3.1 Taburan Populasi dan Sampel Mengikut Tahun	16
3.2 Taburan Hasil Analisa Koefisien Kebolehpercayaan Terhadap skel Angkubah bebas	19
4.1 Taburan Bilangan dan Peratus Mengikut Jantina	21
4.2 Peratusan Mengikut Bangsa Responden	23
4.3 Peratusan Mengikut Tahun Kursus Responden	24
4.4 Peratusan Mengikut Pencapaian Akademik	26
4.5 Dapatan Kajian Terhadap Gaya Pembelajaran	27
4.6 Dapatan Kajian Terhadap Jumlah Jam Belajar	29
4.7 Dapatan Kajian Terhadap Teknik Pembelajaran	31
4.8 Dapatan Kajian Terhadap Sumber Rujukan	33
4.9 Pencapaian Akademik Berbanding Bangsa	35
4.10 Pencapaian Akademik Berbanding Jantina	36
4.11 Pencapaian Akademik Berbanding Tahun Kursus	38

4.12	Pencapaian Akademik Berbanding Gaya Pembelajaran	39
4.13	Pencapaian Akademik Berbanding Jumlah Jam Belajar	40
4.14	Pencapaian Akademik Berbanding Teknik Belajar	42
4.15	Pencapaian Akademik Berbanding Sumber Rujukan	44



SENARAI GAMBARAJAH

RAJAH

MUKASURAT

4.1	Taburan Bilangan dan Peratus Mengikut Jantina	22
4.2	Peratusan Mengikut Bangsa Responden	23
4.3	Peratusan Mengikut Tahun Kursus Responden	25
4.4	Peratusan Mengikut Pencapaian Akademik	26
4.5	Dapatan Kajian Terhadap Gaya Pembelajaran	28
4.6	Dapatan Kajian Terhadap Jumlah Jam Belajar	30
4.7	Dapatan Kajian Terhadap Teknik Pembelajaran	32
4.8	Dapatan Kajian Terhadap Sumber Rujukan	34



PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

SENARAI SINGKATAN NAMA

KUiTTHO	-	Kolej Universiti Tun Hussien Onn
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
CPA	-	Purata Mata Nilai Himpunan (Cummulative Point Average)
PMK	-	Purata Matagred Keseluruhan



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Untuk mencapai kejayaan yang cemerlang bukannya mudah. Tidak ada jalan pintas dan mudah untuk mengecapi kejayaan. Menurut Hassan (1991), kepayahan, kesedihan dan seribu macam halangan perlu ditempuh dan dihadapi sebelum benar-benar berjaya. Walaupun begitu, bukalah pula sesuatu yang mustahil atau terlalu susah untuk mencapai kejayaan yang cemerlang seperti yang dicita-citakan. Semuanya tergantung kepada tahap daya usaha para pelajar. Oleh kerana itu, komitmen yang tinggi para pelajar dalam mengatur dan menyusun persediaan awal amat dituntut. Tanpanya, para pelajar sebenarnya telah "mengaku kalah sebelum berjuang".

Mengikut Khalid (1993), dalam kegairahan dan kesungguhan membuat persediaan perlu disedari bahawa pelbagai aspek perlu diberi perhatian, diteliti dan seterusnya diperlengkapkan. Dengan kata lain, persediaan harus meliputi aspek-aspek dalaman atau rohaniah yang melibatkan keyakinan, ketaatan, kekuatan mental, kejujuran, kesungguhan, kesyukuran dan seumpamanya. Aspek luaran pula melibatkan skop yang agak luas seperti kelengkapan peralatan

pembelajaran, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, kekerapan belajar atau ulangkaji dan seumpamanya yang turut mempunyai pengaruh yang cukup besar dalam membentuk corak dan kesan pembelajaran para pelajar. Kedua-dua aspek ini perlu seimbang dan selari agar matlamat yang ingin dicapai akan terlaksana.

1.2 Latar Belakang Masalah

Berdasarkan rekod pencapaian pelajar Ijazah Sarjana Muda Elektrik semester ke dua sesi 2000/2001 yang dikeluarkan oleh Unit Kemasukan dan Rekod KUITTHO, bilangan keseluruhan pelajar adalah sejumlah 1243 orang. Daripada jumlah keseluruhan ini, seramai 147 orang pelajar sahaja yang berada di tahun akhir. Namun begitu hanya seramai 26 orang pelajar sahaja yang berjaya menghabiskan sesi pembelajaran mengikut peruntukan masa yang ditetapkan.

Berdasarkan kepada statistik di atas, tiada seorang graduan pun yang memperolehi Ijazah kelas pertama. Graduan yang memiliki Ijazah Sarjana Muda kelas kedua (tinggi) pula seramai 2 orang, manakala graduan yang memiliki Ijazah Sarjana Muda kelas dua (bawah) seramai 21 orang dan selebihnya memperolehi Ijazah kelas ketiga. Ini menimbulkan persoalan, mengapakah senario ini terjadi? Walaubagaimanapun pengkaji ingin melihat bagaimana pelajar-pelajar berkenaan menguruskan pembelajarannya, adakah benar kemahiran belajar memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik para pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Hasil kajian di England, ramai pelajar menyatakan mereka gagal sebagai pelajar. Mereka hanya ada ingatan, tetapi tidak pandai belajar. Pelajar ini menyatakan kelemahan kemahiran belajar adalah faktor penyebab mereka gagal dalam peperiksaan (Ab. Rahim, 1992). Pembelajaran yang disampaikan oleh pengajar tidak akan lengkap sekiranya pelajar tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian semasa kuliah, tidak mengulangkaji, tidak mencatat dan tidak menggunakan masa dengan berkesan. Maddox (1970), menyatakan kecemerlangan dalam pelajaran bukan hanya bergantung kepada kepandaian dan usaha gigih seseorang tetapi bergantung juga kepada keberkesanan kemahiran belajar yang digunakan.

Ismail (1981), menyarankan bahawa masalah pembelajaran pelajar di IPT adalah kerana mereka tidak mengetahui teknik atau kemahiran belajar yang betul dan berkesan. Oleh itu dalam kajian yang akan dijalankan, pengkaji berusaha menjawab persoalan-persoalan seperti berikut;

1. Bagaimanakah gaya pembelajaran yang sering digunakan oleh pelajar untuk mengulangkaji pelajaran?
2. Berapa jamkah masa yang digunakan oleh pelajar untuk mengulangkaji pelajaran?
3. Bagaimanakah cara pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar untuk mengulangkaji pelajaran?
4. Apakah sumber yang sering digunakan oleh pelajar untuk menambah pengetahuannya?

1.4 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk meninjau kemahiran belajar tidak formal sekumpulan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.

1.4.1 Objektif Khusus

Dalam kajian ini pengkaji mempunyai empat objektif utama seperti berikut,

1. Mengetahui gaya pembelajaran yang sering digunakan oleh pelajar untuk mengulangkaji pelajaran.
2. Mengetahui berapa jamkah masa yang digunakan oleh pelajar untuk mengulangkaji pelajaran.
3. Mengetahui cara pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar untuk mengulangkaji pelajaran.
4. Mengetahui sumber yang sering digunakan oleh pelajar untuk menambah pengetahuannya.

1.5 Kepentingan Kajian

Segala maklumat yang akan diperolehi dari kajian ini diharap dapat memberi cadangan kepada pihak pentadbiran KUiTTHO, Pegawai Kaunselor, pensyarah-pensyarah dan pelajar. Antara lain kepentingan kajian ini ialah untuk;

1. Membantu pihak pentadbiran bagi merancang program yang berkaitan dengan kemahiran belajar secara berkesan dan sistematik.
2. Melihat sejauh mana hubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik pelajar.
3. Sebagai panduan kepada pensyarah dan pelajar dalam merancang program pengajaran dan pembelajaran.

Selain daripada itu, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi panduan dan beberapa cadangan kepada pihak pentadbiran yang terlibat tentang bagaimana hendak mempertingkatkan kecekapan belajar para pelajar melalui kemahiran belajar yang berkesan. Di harapkan juga dapat memperbaiki mutu pendidikan dan memberi peluang kepada pensyarah serta pelajar membuat pilihan yang terbaik.

1.6 Batasan Kajian

Penyelidik hanya melakukan kajian ke atas pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Elektrik yang melibatkan “tahun kedua”, “tahun ketiga” dan “tahun keempat”.

Kajian yang akan dilaksanakan hanya menyentuh aspek-aspek gaya pembelajaran, masa yang diperuntukan untuk mengulangkaji pelajaran, teknik pembelajaran dan sumber rujukan yang diperlukan untuk menambah pengetahuan pelajar.

1.7 Definasi Istilah

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang perlu dijelaskan bagi menerangkan dengan lebih tepat akan kehendak dan keperluan tentang perkara-perkara yang akan dibincangkan oleh penyelidik dalam kajiannya.

1.7.1 Kemahiran Belajar.

Kemahiran belajar merupakan salah satu kemahiran utama dalam pengajaran dan pembelajaran bestari. Ianya bermula dari menentukan bahan yang optimum hingga ke pemerolehan maklumat dan seterusnya memproses maklumat (Hafidzi, 1991).

1.7.2 Pelajar

Dalam kajian ini pelajar adalah sebagai responden, mereka yang berdaftar sebagai pelajar di KUiTTHO yang akan dikaji dan sah sebagai pelajar KUiTTHO sewaktu kajian ini dijalankan.



1.7.3 KUITTHO

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO) yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah sebuah institusi pendidikan tinggi awam yang berada di pekan Parit Raja. Secara puratanya mempunyai bilangan pelajar seramai 3770 orang. Berdasarkan rekod pendaftaran pelajar KUITTHO seramai 1243 orang sedang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Elektrik.



BAB II

SOROTAN PENULISAN

2.1 Pengenalan

Falsafah pendidikan negara telah dinyatakan secara tersurat pada tahun 1987 yang berbunyi;

“ Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan keupayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap kerohanian dan kemakmuran masyarakat dan negara”.

Hal ini bertepatan dengan kenyataan M. Wasiullah Khan, Canselor East West Universiti, Chicago, Amerika Syarikat (dalam Mohd. Nashuha et.al (1996): Sejarah manusia sering menyaksikan hakikat bahawa kegemilangan dan kejatuhan tamadun manusia secara langsung berhubung kait dengan penerokaan,

penghasilan dan pemanfaatan atau penggunaan ilmu pengetahuan. Mereka yang dapat menguasai dengan cemerlang akan hal ini mampu untuk menerajui kepimpinan bangsa dan negara.

2.2 Sistem Semester

Unit Kemasukan dan Rekod KUITTHO menyatakan, Sistem Akademik yang diamalkan oleh Kolej Universiti Tun Hussien Onn ialah sistem semester. Berdasarkan Buku Panduan Pelajar Pengajian Siswazah (2000), di dalam satu sesi pengajian terdapat dua (2) semester, iaitu Semester Mei dan semester November. Pelajar akan menghadiri kuliah dan tutorial selama lima belas (15) minggu. Ini diikuti dengan dua (2) minggu peperiksaan. Dalam keadaan biasa, tempoh minimum bagi seseorang pelajar memperoleh ijazahnya ialah lapan (8) semester. Dalam jangkamasa ini, pelajar perlu mengambil dan lulus sejumlah kredit seperti yang ditetapkan oleh satu-satu program.

Dalam sistem semester, kemajuan seseorang pelajar itu dinilai secara terus menerus. Pencapaiannya dalam satu-satu semester akan memberi kesan kepada pencapaian keseluruhannya. Pelajar akan diberi matagred bagi tiap-tiap kursus yang diambilnya. Pengiraan Purata Matagred Keseluruhan (PMK) akan dilakukan pada akhir setiap semester. Pengiraan ini dilakukan sehingga seseorang pelajar itu telah mengumpul sejumlah kredit seperti yang ditetapkan oleh satu-satu program. Pada semester akhir berada di universiti, seseorang pelajar itu hendaklah mencapai sekurang-kurangnya PMK yang bernilai tidak kurang daripada 2.00

untuk dianugerahkan ijazah. Sekiranya dia gagal mencapai PMK bersamaan 2.00 pada semester akhir, pelajar boleh dibenarkan melanjutkan pengajiannya sehingga ke semester sepuluh (10).

2.3 Sistem Peperiksaan dan Penilaian

Prestasi pelajar dinilai berasaskan kaedah penilaian berterusan, supaya pelajar dapat mengetahui pencapaian akademiknya sepanjang semester.

Prestasi pelajar dalam sesuatu kursus itu diukur berdasarkan pelbagai penilaian, iaitu tidak kurang dari tiga penilaian termasuk sekurang-kurangnya satu ujian bertulis. Kaedah penilaian lain seperti ujian lisan, tugas, kerja amali dan penglibatan dalam kelas. Penilaian ini merangkumi 50% daripada keseluruhan markah manakala peperiksaan akhir adalah wajib pada hujung semester yang nilainya tidak melebihi 50%.

2.3.1 Skema Pemarkahan

Berdasarkan sistem pemarkahan yang dikeluarkan oleh Unit Kemasukan dan Rekod KUITTHO, prestasi seseorang pelajar dalam sesuatu kursus akan ditentukan oleh himpunan markah kerja kursus dan penilaian terakhir yang biasanya dalam bentuk peperiksaan akhir. Markah ini ditukar kepada gred abjad yang mempunyai mata nilai tertentu, dan menggambarkan kedudukan prestasi pelajar seperti dalam jadual 2.1 di bawah:

Jadual 2.1 : Pengiraan Purata Timbunan Markah

Markah	Gred Abjad	Mata Penilaian
85-100	A	4.0
80-84	A-	3.7
75-79	B+	3.3
70-74	B	3
65-69	B-	2.7
60-64	C+	2.3
55-59	C	2
50-54	C-	1.7
45-49	D+	1.3
40-44	D	1
0-39	E	0

2.4 Kemahiran Belajar

Menurut Mohd. Nashuha (1996), kemahiran belajar merujuk kepada kemahiran mendapatkan maklumat dan memanfaatkan maklumat tersebut.

Mendengar, membuat rujukan, membaca, menyoal dan berbincang diikuti dengan mencatat adalah di antara teknik-teknik mengumpul maklumat.

2.4.1 Kemahiran Membaca

Setiap individu yang ingin mencari ilmu pengetahuan, fakta-fakta dan maklumat akan membaca buku. Ini kerana di dalamnya terkandung berbagai-bagai ilmu. Menurut Safiah (1990: dalam Mohd Fadil, 1994), pembacaan di definisikan sebagai proses berkomunikasi secara langsung di antara pembaca dan bahan bacaan serta secara tidak langsung dengan penulisnya. Apabila seseorang itu membaca buku, majalah dan sebagainya mereka ini perlulah memikirkan bacaannya supaya lebih memahami isi kandungannya.

Mengikut Ab. Rahim (1989), antara sebab pelajar lemah dalam kemahiran membaca ialah mereka cuba menyebut dan memahami semua perkataan. Keadaan ini akan melambatkan pembacaan mereka. Kelajuan membaca yang baik adalah 200-240 perkataan seminit dengan kefahaman lebih daripada 80%.

Sementara itu menurut Kamarudin (1997), sikap menunjuk dengan jari setiap perkataan ketika membaca boleh mengurangkan kelajuan membaca kerana mata mengikut jari yang sedang menunjuk perkataan tersebut.

Teknik *scanning* adalah satu kaedah membaca yang mendapatkan maklumat atau isi penting di dalam sesuatu teks. Menurut Md. Nashuha (1996), setelah membaca secara *scanning* iaitu mencari isi penting barulah kita membaca secara intensif. Menurut Abd. Ghani (1996) pula, adalah penting bagi pelajar mengetahui isi penting ketika membaca dan harus menumpukan perhatian lebih pada bahagian tersebut.

2.4.2 Kemahiran Membuat Rujukan

Menurut Mohd. Nashuha (1996), membuat rujukan adalah mendapatkan maklumat bagi menambahkan maklumat yang sedia ada. Membaca bahan rujukan juga merupakan aktiviti membuat rujukan begitu juga dengan bahan seperti kamus, ensiklopedia, jurnal, buku tahunan, majalah dan laporan. Mendapatkan maklumat daripada pakar samada secara menemuramah atau dalam bentuk soal selidik. Sumber kepakaran juga terdiri daripada orang yang lebih arif atau berpengalaman dalam sesuatu bidang seperti guru, pensyarah dan sebagainya.

Mengikut Zubir (1984: dalam Abd. Ghani, 1996), selepas sesuatu kuliah, pelajar perlulah mencari bahan-bahan rujukan yang berkaitan. Dengan mendapatkan maklumat tambahan pelajar akan lebih memahaminya bahan yang dipelajari.

Menggunakan pusat sumber atau perpustakaan akan memberi berbagai-bagai faedah kepada seseorang samada pelajar atau orang awam. Semasa menggunakan pusat sumber atau perpustakaan secara tidak langsung akan menghubungkan berbagai kemahiran termaksudlah kemahiran membaca. Ragor dan Work (1970: dalam Abd. Ghani, 1996), menjelaskan bahawa perpustakaan merupakan bahagian terpenting dalam kehidupan pelajar.

2.4.3 Kemahiran Mendengar

Kemahiran mendengar merupakan kemahiran yang terpenting dalam kehidupan manusia. Dengan pendengaran manusia dapat memperoleh pelbagai maklumat. Menurut Mohd. Nashuha (1996), kemahiran mendengar amat penting dan berikut adalah panduan mendengar dengan berkesan;

- a) Beri masa mendengar, jangan cepat menilai.
- b) Duduk dengan gaya penuh minat.
- c) Berfikiran terbuka.
- d) Beri perhatian terhadap isi kandungan bukannya cara penyampaian.
- e) Guna peta minda untuk mencatat nota.

Menurut Ab. Rahim (1989), perkara utama dalam kemahiran mendengar adalah memberi tumpuan sepenuhnya terhadap penceramah. Begitu juga tidak menghiraukan segala gangguan terutamanya perangai atau gerak badan guru yang tidak berkaitan. Perkara utama dalam kemahiran mendengar adalah memberi tumpuan sepenuhnya terhadap penceramah.

Di antara kajian yang dijalankan ke atas guru-guru ialah oleh Laurillard (1971: dalam Abd. Ghani, 1996), proses mendengar merupakan proses paling utama dalam pembelajaran dan pengajaran.



2.4.4 Kemahiran Mencatat Nota

Kebanyakan pelajar akan mencatat nota ketika pensyarah memberi kuliah. Begitu juga dengan pelajar yang ponteng kuliah mereka akan meminta nota daripada kawan. Ini menunjukkan pentingnya nota.

Menurut Mohd. Nashuha (1996), mencatat nota penting dalam proses pembelajaran kerana ia dapat membantu pelajar mengingat semula item sebanyak enam kali lebih daripada item yang tidak dicatat. Mencatat nota membolehkan pelajar menyimpan maklumat yang diperolehi, merujuk sekiranya lupa, membuat ulangkaji dan membuat rujukan tambahan.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Mohd. Sabri (1994), kebanyakan pelajar tidak mempunyai kebiasaan menyusun semula dan menambah nota dengan maklumat tambahan. Menyemak semula nota yang telah dibuat selepas kuliah dan meringkaskan nota berkenaan ke dalam kad atau buku kecil.

Menurut Abd. Rahim (1989), catatan yang baik perlu ada tanda-tanda seperti garisan di bawah perkataan penting, perkataan penting dibulatkan atau ditulis dengan huruf besar. Menurut Poliscastro (1975), di dalam Abd Ghani (1997), kaedah mengariskan di bawah isi-isi penting banyak digunakan oleh pelajar universiti. Menurut Mohd. Nashuha (1996) pula, antara ciri-ciri yang baik dalam kemahiran mencatat nota ialah terdapatnya tanda-tanda seperti garisan, bulatan dan sebagainya.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kaedah penyelidikan pendidikan merujuk kepada bagaimana kita mendapatkan maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat dalam pendidikan.

Dalam bab ini perbincangan tertumpu kepada;

- a) Reka Bentuk Kajian
- b) Populasi dan Sampel Kajian
- c) Instrumentasi
- d) Keesahan dan Kebolehpercayaan
- e) Prosedur Mengumpul Data Kajian
- f) Analisis Data

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah merujuk kepada pelan dan struktur penyiasatan, juga sebagai panduan kepada penyelidik mengumpul dan seterusnya menganalisis

data yang digunakan bagi mendapatkan bukti serta menjawab persoalan kajian. Dalam kajian yang dilaksanakan penyelidik memilih kajian yang berbentuk "parametrik" bagi mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada responden yang telah dikenalpasti, yang mana ciri-ciri responden yang dikaji ada kesamaan dengan ciri-ciri pada populasi tersebut. Analisis data yang dijalankan menggunakan statistik inferensi iaitu ujian t. Ujian ini adalah untuk melihat sama ada kemahiran belajar yang dikaji mempunyai hubungkait atau perbezaan yang signifikan antara butiran peribadi responden seperti jantina, kaum dan tahun kursus. Data kajian ini telah diperolehi melalui satu set soal selidik.

3.3 Populasi dan Sampel Kajian.

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik KUiTTHO. Dalam kajian ini, sampel kajian ditentukan melalui kaedah persampelan secara rawak yang berdasarkan kepada Krejeie R. V. dan Morgan D. W. (1970).

Jadual 3.1 : Taburan Populasi dan Sampel Mengikut Tahun.

Bil	Tahun Pengajian	Bilangan Populasi	Bilangan Sampel	Peratus
1	Tahun kedua.	467	92	34.1%
2	Tahun ketiga.	285	90	33.3%
3	Tahun keempat	147	88	32.6%
			Jumlah	100%

Jadual 3.1 menunjukkan bilangan sample yang telah dikaji berdasarkan kepada Krejeie R.V. dan Morgan D.W. (1970). Oleh yang demikian, segala dapatan dari soal selidik telah digunakannya sebagai data kajian.

3.4 Instrumentasi

Dalam tinjauan ini, borang soal selidik digunakan sebagai instrument kajian. Bentuk soal selidik itu mengandungi dua bahagian yang terdiri daripada 8 item, yang akan digunakan bagi menjawab persoalan kajian.

Bahagian I mengandungi 4 item yang berkaitan dengan peribadi responden. Dalam bahagian ini responden hanya perlu mengisikan maklumat seperti jantina, bangsa tahun (semester) dan pencapaian akademik (CPA).

Bahagian II adalah mengandungi 4 item yang berkaitan dengan gaya pembelajaran, masa yang diperuntukan untuk mengulangkaji, teknik pembelajaran dan sumber yang diperlukan untuk menambah pengetahuan

3.5 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Soal selidik yang dibentuk telah dipra-uji untuk menentukan kesahihan dan ketepatan kriteria sesuatu item yang telah dipilih. Ia juga akan menentukan sama ada soalan yang dibentuk mengikut susunan dan urutan yang logik dan tepat menjawab objektif kajian. Berpandukan kepada pra-uji ini, soalan yang lemah dan

tidak tepat telah diubahsuai atau ditinggalkan. Ayat yang kompleks dan mengandungi dua maksud akan disusun semula. Bahasa yang digunakan adalah mudah supaya ianya senang difahami oleh semua responden.

Ujian reliabiliti bagi skor-skor persepsi dijalankan untuk memeriksa tahap kekukuhan dalaman (*internal consistency*) dan kestabilan (*stability*) item-item kumpulan dalam soal selidik. Untuk menganalisis data tersebut dalam pengujian reliabiliti, prosedur ujian bahagi dua telah digunakan. Pekali kebolehpercayaan bagi persepsi-persepsi adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 3.2.

- a) Persepsi responden terhadap gaya pembelajaran. Terdapat 10 item mengenai gaya pembelajaran dan kesemua kenyataan adalah tinggi nilai koefisiennya.
- b) Persepsi responden terhadap jumlah jam untuk mengulangkaji pelajaran. Terdapat 10 item mengenai jumlah jam untuk mengulangkaji pelajaran dan kesemua kenyataan adalah tinggi nilai koefisiennya.
- c) Persepsi responden terhadap teknik belajar. Terdapat 10 item mengenai teknik belajar dan kesemua kenyataan adalah tinggi nilai koefisiennya.
- d) Persepsi responden terhadap sumber rujukan. Terdapat 10 item mengenai sumber rujukan dan kesemua kenyataan adalah tinggi nilai koefisiennya.

Jadual 3.2: Taburan Hasil Analisa Koefisien Kebolehpercayaan Terhadap skel Angkubah bebas

Angkubah Bebas	Jumlah Kenyataan	Koefisien Kebolehpercayaan
1. Gaya pembelajaran	10	0.94
2. Jumlah jam mengulang-kaji pelajaran	10	0.95
3. Teknik pembelajaran	9	0.87
4. Sumber rujukan	10	0.93

3.6 Prosedur Mengumpulkan Data Kajian

Sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden, penyelidik telah membuat beberapa andaian supaya hasil kajian nanti dilakukan dengan sempurna dan berkesan. Antara andaian-andaian itu ialah:

1. Semua item soal selidik dijawab keseluruhannya dengan jujur dan ikhlas oleh responden.
2. Responden memberikan tindak balas kepada soal selidik secara sukarela dan kritis.
3. Jumlah item adalah mencukupi untuk mengukur dan boleh mencapai objektif kajian.

Bagi melicinkan perjalanan kajian, penyelidik akan mengadakan rundingan dengan pensyarah-pensyarah yang terpilih untuk mendapatkan

kebenaran melakukan kajian ini dan membantu bagi mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Borang soal selidik yang akan dipenuhkan oleh responden, akan dikumpulkan oleh pensyarah berkenaan dan diserahkan semula kepada penyelidik secepat mungkin untuk tindakan selanjutnya.

3.7 Analisis Data

Maklumat pemprosesan data adalah untuk mendapatkan maklumat yang berguna dan bermakna daripada data (Najib,1997). Analisis data ini berkaitan dengan item-item soalan yang terdapat dalam set soal selidik. Semua data bahagian A dan bahagian B yang diperolehi akan disemak terlebih dahulu untuk memastikan semua arahan menjawab diikuti oleh responden. Selepas itu semua jawapan akan ditanda dan dipungut. Seterusnya data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan program SPSS.

Hasil analisis bahagian A akan ditunjukkan dalam bentuk jadual peratusan dan frekuensi manakala hasil bahagian B pula ditunjukkan dalam bentuk jadual peratusan dan frekuensi serta dalam bentuk jadual.

BAB IV

PENGANALISISAN DATA KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini merupakan penerangan kepada proses penganalisan data yang telah diperolehi daripada responden. Sebanyak 270 borang soal selidik telah dikumpulkan dan dianalisis.

4.2 Pengedaran dan Pengumpulan Soal Selidik

Sebanyak 300 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden. Daripada jumlah ini, sebanyak 270 set borang soal selidik telah dikembalikan oleh responden. Pada dasarnya, jumlah yang dikumpulkan adalah amat baik di mana Krejeie dan Morgan (1970), menyatakan sekiranya jumlah populasi 900 maka sampel yang perlu diambil sebanyak 270 sampel sahaja.

4.3 Analisa Soal Selidik

Bahagian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A merujuk kepada analisa latar belakang responden dan bahagian B merujuk kepada kemahiran belajar dikalangan responden.


4.3.1 Analisa Biodata Responden

Bahagian ini dilakukan bagi mendapatkan statistik berkenaan ciri-ciri biodata responden yang menjayakan kajian ini. Ia juga berperanan bagi mendapatkan gambaran serta maklumat mengenai diri, latar belakang dan pengalaman responden. Paparan data sebaliknya dipamerkan dalam bentuk jadual dan disokong oleh rajah.

Jadual 4.1 : Taburan Bilangan dan Peratus Mengikut Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	141	52.2%
Perempuan	129	47.8%
Jumlah	270	100%

Jantina



Rajah 4.1 : Taburan Bilangan dan Peratus Mengikut Jantina

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 52.2% daripada responden adalah pelajar lelaki, manakala selebihnya 47.8% pula adalah pelajar perempuan.

Peratusan ini dapat dilihat dengan lebih jelas dengan carta pai yang ditunjukkan di

Rajah 4.1 di atas dan Jadual 4.1.

BIBLIOGRAFI

- Hafidzi Mohd Noor (1991). Ciri-ciri Pelajar Cemerlang. Kuala Lumpur : Sabha DTP Services Sdn. Bhd.
- Hassan Mohd Ali (1991). Strategi Belajar Berkesan. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Husin (1994). Dinamika Sekolah Dan Bilik Darjah. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Yunus Noor (1990). Psikologi dan Teknik Belajar Yang Berkesan. Kuala Lumpur : Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Robiah Sidin (1994). Pendidikan Di Malaysia : Cabaran Untuk Masa Depan. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Universiti Teknologi Malaysia (1993). Panduan Penulisan Tesis Untuk Pelajar UTM. Pusat Pengajian Siswazah.
- Dr. Hasan Ali (1996). Strategi Lulus Peperiksaan Dengan Cemerlang. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Norlinda Abd. Halim dan Jurina Pieei (1994). Pengurusan Masa Berkesan Hebat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robiah Kulop Hamzah (1997). Remaja dan Pengurusan Diri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee, Ah Meng (1993). Pedagogi Serta Pendekatan Bersepadu. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ab. Rahim Selamat (1992). Teknik Cara Belajar 2. Kuala Lumpur : Nurin Enterprice.
- Zulkifli Ismail (1995). Menjadi Pelajar Cemerlang. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Johnson R,T (1998). Learning Together and Elone : Cooperative, Competition And Individualistic Learning. United States of Amerika : Prentice Hall Inc.

Richman (1997). Teaching Diverse College Student To Study With A Learning Styles Prescription. *College Student Journal*. 31(3). 333-339.

Jauharah Hj. Tak (1995). *Penyelesaian Masalah Dan Pemikiran Kreatif Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sulaiman Masri (1996). *Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Hassan Ali (1991). *Mendidik Anak Pintar Cerdik*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Abd. Ghani Awang (1996). *Kemahiran Belajar di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Nashuha Jamidin (1996). *Kemahiran Berfikir dan Belajar*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Honey. P (1983). *Using Your Learning Styles*. Maidenhead : Peter Honey

Moran, A.(1991). What Can Learning Styles Research Learn From Cognitive Psychology?. *Educational Psychology*. 11(3/4). 239-245.

Sadler Smith, E (1997). *Learning Styles : Frameworks And Instruments*. *Education Psychology*. 17(1/2). 51-56.

Faizah Ahmad (1996). *Kemahiran Belajar*. Kertas Kerja, Institut Perguruan Darul Aman.

Sharifah Alwiyah Alsagoff (1989). *Ilmu Pendidikan : Pedagogi*. Heineman Asia, Kuala Lumpur.

Maddox, Harry (1970). *How to Study*. Great Britain: David & Charles (Publishers) Limited

Ismail Hj Adnan(1981). *Peranan Teknologi Pendidikan Dalam KBSM*. *Jurnal Guru*. Keluaran 1 Mei.

